

**Pembanggang syok sendiri lakonan jadi PM  
Utusan Online  
28 April, 2013**

SIBU 27 April - Datuk Seri Najib Tun Razak membidas sikap syok sendiri pembanggang apabila seorang pemimpin utamanya melakonkan babak tidak dapat mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri kerana Yang di-Pertuan Agong telah tidur pada pukul 2 pagi.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu berkata, sikap sedemikian menyerlahkan impian Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar sejak dahulu iaitu ingin menjadi Perdana Menteri.

"Pembanggang jangan terlalu yakin kononnya akan diberi mandat oleh rakyat dalam pilihan raya kali ini, katanya.

"Saya telah pergi banyak tempat dan melawat Sarawak termasuk Saratok dan malam ini di SibU, saya telah melihat sambutan masyarakat terhadap BN semakin meningkat dan mereka menyokong kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Pemimpin Bersama Rakyat yang dihadiri lebih 10,000 orang di tempat letak kereta, Jalan Kampung Datu di sini malam ini.

Yang turut hadir isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor; calon BN Parlimen Lanang, Datuk Tiong Thai King dan calon BN Parlimen SibU, Vincent Lau Lee Ming.

Perdana Menteri menegaskan, perubahan tidak boleh dilaksanakan secara radikal sebaliknya perlu dilakukan dengan teratur.

Menurut beliau, perubahan yang baik boleh dilakukan menerusi kerajaan sedia ada tanpa perlu menukar kepada kerajaan baharu.

Katanya, beberapa negara seperti di Asia Barat melakukan perubahan secara radikal menerusi 'Arab Spring' dengan harapan keadaan akan menjadi lebih baik.

"Tetapi malangnya, apa yang berlaku negara tersebut adalah semakin buruk malah sebelum ini, mereka menerima kemasukan pelancong sehingga 14 juta, namun menurun kepada 700,000 orang sahaja.

"Malah negara tersebut juga tidak lagi mempunyai simpanan sehingga terpaksa meminjam daripada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Amerika Syarikat (AS)," katanya.

Anwar dalam satu ceramahnya di Sabah berkata; "Insya-Allah 5 Mei nanti masa pilihan raya kita dapat keputusan dan kalau kita menang, keputusan lambat, kalau UMNO menang pukul 9 malam sudah tahu, tetapi kalau kita, pukul 2 pagi baru tahu nak angkat sumpah tidak boleh kerana Yang di-Pertuan Agong sudah tidur," katanya.

-habis-

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : [http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan\\_Raya/20130428/px\\_10/Pembanggang-syok-sendiri-lakonan-jadi-PM#ixzz2ZodUqvbo](http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130428/px_10/Pembanggang-syok-sendiri-lakonan-jadi-PM#ixzz2ZodUqvbo)